

Penyelidik UPM diingot usah mudah berpuas hati

SERDANG: Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), diingotkan tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian dimiliki, malah diminta terus berusaha menghasilkan lebih banyak penerokaan kerana ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata walaupun kejayaan di Pameran Reka Cipta Geneva 2004 bukanlah kejayaan pertama, namun UPM sewajarnya gembira kerana dapat mengekalkan tradisi kecemerlangan dengan mendapat pingat di atas penemuan baru diperolehi.

"Penyertaan kali ini lebih membanggakan selepas semua penyelidik yang menyertai pertandingan berkenaan memperolehi pingat meliputi dua emas, enam perak dan tiga gangsa," katanya pada majlis meraiakan Kejayaan Penyelidikan UPM di Pameran Geneva 2004, di sini, semalam.

Turut hadir Pensyarah dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM merangkap Ketua Delegasi, Prof Datuk Dr Abdul Salam Abdullah.

Mohd Zohadie berkata, dari segi dana yang diterima menerusi skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Ketutamaan (Irpa), UPM dapat mengekalkan reputasi sebagai penerima geran terbesar di kalangan universiti dan institusi penyelidikan tempatan.

"UPM mendapat geran peruntukan RM163 juta daripada Irpa dan dalam Rancangan Malaysia kelapan kerajaan memperuntukan RM900 juta di mana RM700 juta sudahpun digunakan untuk tujuan penyelidikan.



DIKTIKRAF... pemenang Pameran Penyelidikan Geneva, Switzerland bangga menunjukkan sijil dan pingat dimenangi.

"Selain itu, UPM juga memfokuskan penyelidikan dalam bidang agro biologi kerana sudah menjadi sejarah bagi universiti ini menjalankan penyelidikan ke atas biologi dan pertanian sehingga ia dapat dikomersialkan," katanya.

Mohd Zohadie berkata, penyelidik bukan saja menumpukan usaha dalam penyelidikan kontemporari bahkan digalakkan ke arah yang lebih bersifat futuristik supaya negara disegani di peringkat antarabangsa," katanya.

Pingat emas diperolehi menerusi produk 'Formulasi Neutralsitikal Ka-

nya Antioksidan Semula Jadi' hasil penyelidikan Prof Madya Dr Maznah Ismail dan 'Nucleoceptin - Vaksin Mengawal Kesuburan Haiwan' (Prof Dr Mohd Azmi Mohd Lila).

Pingat perak dimenangi produk 'Heavy Duty Pendulum Impact Test Ring for Crashworthiness Studies' oleh Dr Wong Shaw Voon, 'Imuron - Tindak Balas Daya Tahan Menyeluruh' (Prof Dr Mohd Azmi) dan 'CRF-Nanopath: A Novel Nanocomposite-Based Controlled Release Formulation' (Prof Dr Mohd Zobir Hussein).

Tiga lagi 'ZAPPA - Penggalak Per-

cambahan Benih Beras' (Prof Madya Dr Ahamad Husni Mohd Hanif), 'Karbon Nanotub dan Karbon Nanofiber Untuk Aplikasi Nanoteknologi' (Prof Madya Dr Fakrul Razi Ahmadun) dan 'Bio-Pelincir Sintetik Minyak Kelapa Sawit' (Dr Robiah Yunus).

Sementara pingat gangsa menerusi produk 'Topi Keledar Bio-Komposit Untuk Kegunaan Negara Tropika' oleh Prof Dr Radin Umar Radin Sohadi dan 'Optical Layer Automatic Protection Switch' (Mohd Hanif Yaacob).